

18/05/1998

CAD lahir tenaga mahir aeroangkasa

Junita Mat Rasid

KOMPLEKS Penyelenggaraan Pesawat (CAD) milik Aerospace Technology Systems Corp Sdn Bhd (ATSC) yang mengendalikan pembaikan dan peningkatan sistem pesawat pejuang MiG-29N akan menjadi tapak perkembangan teknologi aeroangkasa serantau dan berupaya menghasilkan produk kebanggaan negara.

CAD juga dijangka mampu melahirkan tenaga kerja mahir tempatan yang mampu menyaingi industri aeroangkasa antarabangsa.

Bangunan hangar baru ATSC itu berharga RM8.2 juta dan boleh memuatkan enam pesawat MiG-29N atau pesawat yang sama saiz dengannya dalam satu masa bagi tujuan baikpulihan dan lain-lain aktiviti penyelenggaraan.

CAD berupaya menyediakan berbagai perkhidmatan penyelenggaraan termasuk pembekalan dan pengagihan peralatan ganti, rawatan dan baik pulih, perkhidmatan teknikal dan peningkatan dan pemodenan kerangka, mesin dan avionik pesawat terbang.

Secara tidak langsung kemudahan hangar itu akan meningkatkan kemampuan ATSC dalam melaksanakan program baik pulih pesawat pejuang MiG milik Tentera Udara Malaysia (TUDM) dan angkatan udara lain di rantau ini.

CAD yang berpangkalan di Kuantan, Pahang, disokong oleh tenaga pekerja mahir yang terdiri daripada jurutera, juruteknik dan pakar dalam bidang pesawat pejuang. Kebanyakan tenaga kerja ini mempunyai pengalaman luas dalam industri penyelenggaraan pesawat dan pengalaman berkhidmat dengan TUDM di samping menjalani latihan sistem penyelenggaraan pesawat di Russia dan Amerika Syarikat.

ATSC ditubuhkan pada 25 Jun 1994 berikutan perjanjian persefahaman di antara Kerajaan Malaysia dengan Russian State Corporation for Export and Import of Armament and Military Equipment (SC Rosvoorouzhnie) dan Moscow Aircraft Production Organization (MAPO-MiG) pada 7 Jun 1994.

ATSC memberikan pemangkin menyeluruh ke atas pesawat pejuang MiG-29N dan membantu membangunkan teknologi aeroangkasa.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata ATSC adalah salah satu dari penggerak utama industri aeroangkasa yang perlu diberi sokongan kuat.

Menurutnya, melalui 'Industrial Master Plan' kedua, kerajaan mengenalpasti industri aeroangkasa sebagai industri yang perlu memainkan peranan utama dalam pembangunan negara.

"Industri aeroangkasa merangkumi teknologi tinggi yang dapat mempertingkatkan persaingan perusahaan dan mempunyai 'spin-offs' yang berfaedah ketara bagi pembangunan bidang industri yang lain," katanya pada majlis penerimaan dua pesawat MiG-29N yang siap diubah suai dan perasmian CAD, di Kuantan, baru-baru ini.

Dua pesawat pejuang berkenaan adalah yang pertama daripada 16 pesawat MiG-29N TUDM yang dinaik taraf di kemudahan ATSC terbabit.

Syed Hamid berkata, 'Blueprints' iaitu pelan tindakan penyusunan semula industri aeroangkasa negara yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sempena Langkawi International Maritime And Aerospace Exhibition (Lima 97) baru-baru ini akan menjadi panduan dalam usaha mengenalpasti peluang utama dalam industri berkenaan dan merangka strategi pembangunan serta pembabitan industri tempatan.

Menurutnya, ATSC membuktikan kebolehnya menyelenggara dan pengendalian pesawat MiG-29N, juga sedang melaksanakan kerja modifikasi menggunakan teknologi tinggi.

Menurutnya pesawat MiG-29N, bukan saja menjadi aset strategik negara,

malah adalah pembelian pertama membabitkan teknologi pesawat pejuang dari Russia.

"Pesawat pejuang MiG-29N dan keupayaannya sebagai `Air Superiority Fighter' adalah antara yang terunggul di dunia dan penubuhan ATSC adalah perkongsian strategik antara Malaysia dan Russia yang sangat bererti untuk mengendalikan dan mempertingkatkan teknologi itu," katanya.

(END)